

11/02/2001

Perbincangan terbuka Umno, Pas 19 Februari (HL)

Zulkofli Jamaludin; Jamhariah Jaffar

KUALA LUMPUR: Umno dan Pas bersetuju mengadakan perbincangan terbuka tanpa sebarang syarat mengenai perpaduan Melayu pada 19 Februari ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, Majlis Tertinggi Umno (MT) juga bersetuju dengan tarikh dan bilangan perwakilan seramai enam orang seperti yang dikemukakan oleh Pas dalam pertemuan jawatankuasa teknikal kedua-dua parti, Khamis lalu.

"Perwakilan akan diketuai presiden masing-masing. Biro politik akan bincang untuk menentukan siapa (lagi) yang akan menjadi wakil. Pas diketuai Presidennya (Datuk Fadzil Noor)," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Mesyuarat selama lebih tiga jam itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib serta Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir berkata, MT menerima baik hasil pertemuan jawatankuasa teknikal yang diketuai Khalil, manakala Pas pula diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharudin Mat Isa.

Ditanya sama ada pertemuan Umno-Pas akan diadakan berterusan, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata: "Kita tidak tahu lagi. Kami bersetuju pertemuan itu diadakan."

Mengenai hasrat Keadilan untuk turut serta dalam pertemuan bersejarah itu, Dr Mahathir berkata, parti itu tidak mengaku sebagai parti Melayu.

"Sekarang (pertemuan) antara Umno dan Pas. Dia (Keadilan) tidak mengaku parti Melayu dan dia tidak diterima kerana dia bukan parti Melayu," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, apa-apa yang berkaitan dengan perpaduan Melayu, Keadilan tidak ada kena mengena.

"Dia (Keadilan) kena isytihar mereka parti Melayu, baru kita boleh timbang," katanya sambil menyebut Tian Chua, Naib Presiden Keadilan.

Sementara itu, Dr Mahathir meminta ahli Umno merujuk masalah dalaman dan segala rungutan mengenai parti kepada MT.

"Masalah dan rungutan berkenaan Umno hendaklah disampaikan kepada ahli MT atau ibu pejabat yang akan menyampaikan kepada MT supaya rungutan dan rintihan mereka dapat diteliti.

"Kita berpendapat bahawa masalah Umno hendaklah dibawa kepada MT," katanya sambil menambah sekiranya diketahui kepada media, ia akan memburukkan parti dan menolong parti lawan.

Ditanya sama ada arahan berkenaan berikutan perhimpunan Badan Bertindak Melayu, Ahad lalu, Dr Mahathir berkata, arahan berkenaan adalah secara umum.

Sementara itu, Presiden Pas, menyambut baik persetujuan awal Umno terhadap syarat perbincangan perpaduan Melayu seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, malam tadi.

Bagaimanapun, katanya, beliau masih menunggu laporan terperinci mengenai syarat Pas seperti yang dibincangkan di antara Nasharudin dan Khalil, Khamis lalu.

"Jawatankuasa Teknikal Pas akan memberi taklimat terperinci apabila Nasharudin pulang dari luar negara beberapa hari lagi.

"Kita juga akan tentukan delegasi Pas pada mesyuarat itu nanti.

"Pas bagaimanapun, menyambut baik persetujuan awal Umno itu," kata Fadzil ketika dihubungi di di sini, malam tadi.

Pas sebelum ini meminta skop perbincangan itu diluaskan kepada perpaduan nasional dan tidak hanya bertumpu kepada isu orang Melayu.

(END)